



## **BERBICARA TENTANG KEPINCANGAN**

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 06 MAC 1984

DISIAPKAN OLEH : NIZQIN (MOHAMED NAIM DAUPI)

---

### ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

Rangkakan peribadi pada langka yang mesti diisi tiap satu jejak mengalirkan usaha yang tegas sebatu kerana kita tidak boleh mencakar segala sikap pudar pertandaan demikian pertandaan paling wajar.

Bersihkan niat semacam setiap para wali berucap mengajak semua insan berhati semurni iman kerana permainan kata tidak manis diulang lagi sekali terlepas seperti sekali menghanguskan nafas.

Tabah

Mansuri s.n

### ARAHAN: PUTARKAN LAGU PERKENALAN.

### JURUHEBAH:

Saudara-saudara pendengar yang budiman.

Selamat bertemu lagi dalam satu lagi keluaran BICARA PUISI kegemaran kita bersama ini. Semoga apa yang akan dibicarakan nanti akan terus mendendang jiwa dan fikiran kita, akan terus memberikan sahamnya dalam mengembangkan dan membina pemahaman kita tentang alam puisi yang tiada batas sempadannya ini.

Saudara-saudara pendengar.

Tukilan puisi yang sebentar tadi saudara hayati merupakan suara hati penyair veteran yang tidak asing lagi kepada kita iaitu MASURI S.N. Puisi tersebut berjudol TABAH dan termuat dalam antologi SELAGI HAYAT DIKANDUNG BADAN.



Ya, saudara-saudara, sekali terlepas seperti ‘sekali menghanguskan nafas’. Demikianlah Masuri bertanggapan bahawa setiap ucapan yang kita bina dan membentuk sebagai sebuah puisi hendaklah mengisi sesuatu yang benar, bersandar pada jiwa kita yang suci, mruni dan luhur. Penyair harus berniat bersih dalam segala pengucapannya dan hendaklah bersikap seperti seorang wali yang sedang berhujah untuk mengajak insan berhati semurni iman. Kalaulah kata hanya menjadi permainan bibir semata-mata, maka lambat laun ia akan meletakkan kita dalam suatu suasana yang kacau dan menggusarkan. Penyair harus bangun dan ‘mencakar segala sikap pudar’, penyair harus tegas dengan kata-katanya dan penyair harus membina peribadinya yang kukuh, bersih, beriman dan murni.

Saudara-saudara, begitulah seruan Masuri kepada kita. Insyallah pada minggu hadapan akan kami cuba tampilkan lagi suara Masuri dalam puisinya yang lain.

ARAHAN: PUTARKAN LAGU SELINGAN.

JURUHEBAH:

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati.  
Minggu ini, RANCANGAN BICARA PUISI seperti selalunya akan mengisi sorotan ke atas dua kuntum puisi pilihan, lagu berunsur puisi, istilah dalam puisi, sudut pandangan dan deklamasi sekuntum puisi kiriman dari saudara-saudara sekelian.

Andainya saudara-saudara ingin bersama-sama kami, jangan lengah, kirimkanlah sumbangan saudara-saudara itu kepada kami:

**PENERBIT  
RANCANGAN BICARA PUISI  
CALDECOTT HILL  
THOMSON ROAD  
SINGAPURA 1129.**

Saudara-saudara pendengar:

Ruangan sorotan puisi kami mulakan dengan sorotan sekilas ke atas puisi ciptaan penyair establis kita; MOHAMED LATIFF MOHAMED yang bertajuk KEPINCANGAN. Sorotan puisi karya MOHAMED LATIFF MOHAMED ini merupakan sumbangan Nizqin. Sekarang dengarilah perbincaraan saudara Nizqin ini:



## SOROTAN:

### BACAKAN SOROTAN INI

Saudara-saudara pendengar BICARA PUISI yang saya hormati: Singapura; pada awal-awal kemerdekaannya merupakan sebuah negara yang penuh dengan tanda tanya; adakah sebuah negara kecil yang hanya seluas lebih kurang 584 kilometer persegi ketika itu dapat hidup dan berkembang? Adakah sebuah negara yang tanpa sumber galiannya dan tanah taninya dapat memajukan penduduknya yang hampir dua juta orang ketika itu? Adakah sebuah negara yang kerdil yang hanya dianggap sebuah titik di peta dunia dapat terus berkembang dan berkomunikasi dengan dunia.

Walaupun sedemikian rupa Singapura pada kala itu; pada kala pemimpin-pemimpinnya dan perancang-perancangannya sibuk memecahkan berbagai-bagai persoalan demi penakatan rakyat dan ketumbuhan negaranya, seorang anak kerdil turut menjengukkan suaranya untuk bersama-sama dengan para pemimpinnya membangunkan rakyat dan negara kecil ini. Beliau dengan suaranya yang lantang membuat seruan kepada masyarakatnya untuk turut bangun dan mengisi keperluan hidup yang benar-benar bererti walaupun ketika itu usianya baru melangkah umur enam belas tahun.

Saudara-saudara pendengar:

Sekarang dengarilah nada suaranya yang penuh sedar, optimis dan dedaktik ini:

### ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

Ketua mereka sibuk bermuafakat, berunding cari jalan  
Memajukan. Menginsafkan anak-anak buahnya  
Ketua kita juga sibuk, berhijrah  
Cari kebahagiaan, mencari pangkat

Pak lebai kita tekun dengan wiridnya  
Jejaka mereka giat, cari ilmu cari harta  
Jejaka kita giat juga, cari hiburan di mana-mana

Mereka giat sibuk untuk kemajuan  
Kita tekun rajin untuk hiburan  
Ada kereta meluncur laju, gadis kita senyum kepuasan  
Gadis mereka berkerut dahi ketandusan



Mereka-mereka semua di mahligai  
Dunia syurga untuk mereka  
Kita dipelantaran teratak  
Dunia kita di akhirat kononnya

Kita menggila terus menggila  
Dengan amukan hiburan tak juga reda  
Ada juga bapak-bapak kita  
Memekik, menjerit untuk merubah nasib bangsa  
Bapa-bapa diejek manja  
Ada juga sampai serak  
Tumpas mereka dek kegilaan jejak

Ada juga kita yang sedih  
Konon ditindas  
Kita hiba konon dipijak, disepak  
Langsung merayu-rayu  
Lama-lama kita akan tenggelam  
Lambat-lambat kita akan lemas. Tumpas  
Di kolam yang berombak tenang  
Di kabus nipis, halus  
Bagi harapan yang putus-putus.

#### SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar.

Begitulah suara anak kerdil tersebut yang mengisi kata-kata sinis tetapi tersembunyi dengan suara dedaktiknya. Walaupun kita merasakan pengucapan beliau seperti sebuah pengucapan biasa yang ditetak-tetak dan kemudiannya dipanggil sebuah puisi, tetapi dengan suaranya yang besar dan dengan harapannya yang tebal untuk turut membangunkan masyarakatnya telah menjadi titik mula kepada beliau untuk terus mencetuskan suara hati dan fikirannya melalui puisi. Puisi yang berjudol **KEPINCANGAN** tadi merupakan karya sulung kepada penyair yang tidak asing lagi kepada kita kini; **MOHAMED LATIFF MOHD**. Puisi tersebut dilahirkan dalam tahun 1966 dan termuat dalam majalah tahunan Sekolah Menengah Tun Seri Lanang.

Kalaulah kita singkap tentang latar masa puisi ini tercipta, iaitu sekitar pertengahan tahun enam puluhan, tatkala Singapura dengan penduduknya yang sedang giat untuk membangunkan dan memajukan diri masing-masing, tatkala Singapura sedang berusaha untuk berdikari, pada tatkala itu juga masyarakat kita terutamanya para belia kita mabuk dilanda oleh muzik yang diimpot dari Barat. Di sinilah Latiff melaungkan suara yang sinis bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat bangsanya:



## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

Kita menggila terus menggila  
Dengan amukan hiburan tak juga reda  
Ada juga bapak-bapak kita  
Memekik, menjerit untuk merubah nasib bangsa  
Bapak-bapak diejek manja  
Ada juga memekik sampai serak  
Tumpas mereka dek kegilaan jejak.

Saudara-saudara pendengar.

Melalui puisi KEPINCANGAN tadi juga kita dapat merasakan betapa adanya semacam perbezaan yang begitu ketara antara masyarakat Melayu tatkala itu dengan masyarakat-masyarakat lainnya. Sikap ingin maju, sikap ingin mencapai sesuatu yang benar-benar bererti baik kepada kehidupan individu maupun negara, tidak pernah muncul di lubuk hati masyarakat Melayu pada tatkala itu.

Latiff mendapati masyarakatnya begitu leka dengan alunan-alunan muzik gila, lalai dengan keperluan pelajaran dan teralpa oleh bagusnya kehidupan akhirat. Walaupun mengikut Latiff melalui puisi Kepincangan ini, adanya masyarakat bangsanya yang turut berlumba-lumba memajukan diri tetapi sikap untuk membela nasib bangsa seluruhnya sudah terluput dari jiwa mereka. Mereka lebih mementingkan keperluan-keperluan peribadi semata-mata; seperti kata Latiff: *Ketua kita juga sibuk, berhijrah / Cari kebahagiaan, mencari pangkat.*

Demikianlah saudara-saudara pendengar, suara hati Latiff melalui puisi sulungnya Kepincangan. Walaupun puisi tersebut begitu sinis sekali, tetapi terhasrat di jiwa Latiff untuk menyedarkan masyarakatnya yang sedang lena di perbaringan dengan alunan-alunan muzik yang melenakan. Dan bila kita merasa gagal maka mulalah kita menyalahkan sesuatu:

## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI :

Ada juga kita yang sedih  
Konon ditindas  
Kita hiba konon dipijak, disepak  
Langsung merayu-rayu  
Lama-lama kita akan tenggelam  
Lambat-lambat kita akan lemas. Tumpas  
Di kolam yang berombak tenang  
Di kabus nipis. halus  
Bagi harapan yang putus-putus.



## JURUHEBAH:

Saudara-saudara pendengar.

Demikianlah puisi KEPINCANGAN karya MOHAMED LATIFF MOHAMED dari sorotan saudara Nizqin. Semoga apa yang dibicarakan oleh saudara Nizqin ini akan memanfaatkan kita bersama. Sekarang marilah kita dengari pula sorotan saudara Hasnady Abdullah ke atas puisi BERIKAN AKU PERTIMBANGAN tulisan penulis wanita kita SALHA SHAMSUDIN. Tetapi sebelum kita mendengar perbincangan saudara Hasnady Abdullah ini, terlebih dahulu kami kumandangkan deklamasi puisi BERIKAN AKU PERTIMBANGAN ini:

## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI:

Aku manusia jalang  
Dari kumpulan jalang jalanan,  
Jalang simpangan  
Makan kutukan, mandi sumpahan

Tapi jalangku bukan atas kerelaan  
Pun bukan atas nama nafsu yang aku paksakan  
Itu manusia-manusia yang imannya tidak goyang  
Menepis salam yang aku huluskan  
Kononnya malu pada teman bersalut debu-debu hitam  
Lantas ke mana harus kupandang  
Alang-alang menyeluk pekasam  
Biar sampai ke pangkal lengan.

Ya aku manusia jalang  
Berdiri atas nama paksaan  
Beri aku pertimbangan kemanusiaan

## SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati:

Dalam mengajak saudara mendengar sorotan saya terhadap puisi BERIKAN AKU PERTIMBANGAN ini, izinkanlah saya perengarkan sekali lagi bait pertama dari puisi tersebut.

## ARAHAN:



DEKLAMASIKAN PETIKAN INI:

AKU manusia jalang  
Dari kumpulan jalang jalanan  
Jalang simpangan  
Makan kutukan, mandi sumpahan.

SOROTAN:

Saudara-saudara:

Terasa kepada kita semacam ada keanehan dan keberanian mendengar pengucapan demikian. Nada suara yang tidak tersekat-sekat dan pengucapan yang berterus terang ini merupakan suatu tanda permulaan kepada pernyataan-pernyataan yang memualkan, penyesalan, kecamukan fikiran, kebencian dan berbagai-bagai lagi lantaran dari pemendaman emosi yang membendungi fikiran penulisnya. Dan mungkin kita semakin aneh pula bila pengucapan itu dibuat oleh seorang wanita yang sememangnya dikenali sebagai makhluk lembut dan tidak punya sifat pendendam. Walaupun begitu kita masih mahu menerima bahawa kelembutan seseorang manusia itu akan bertukar menjadi agresif bila sesuatu 'kezaliman' atau sesuatu yang di luar garis kemanusiaan berlaku di depan matanya. Begitu juga terhadap penulisnya; SALHA SHAMSUDDIN. Melalui Berikan aku Pertimbangan, Salha mengaku dirinya adalah manusia jalang yang menduduki simpang-simpang jalan dan tidak terlepas dari sebarang cemuhan masyarakatnya.

Dengan empat baris kalimat dalam bait pertama puisi Salha tadi kita menjadi tertanya-tanya ; Mengapakah Salha membuat pengakuan begitu rupa? Menurut beliau apa yang dilakukan itu bukanlah atas kerelaan hatinya dan bukanlah pula terdorong oleh nafsunya. Jadi mengapakah beliau berbuat demikian? Marilah kita dengari bait ketiga puisinya tentang sebab musabab beliau berbuat demikian:

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI:

ya, aku manusia jalang  
berdiri atas paksaan  
berikan aku pertimbang kemanusiaan.

SOROTAN:



Jadi mengertilah kita bahawa Salha membuat pengakuan disebabkan suatu paksaan, tetapi kita masih kabur tentang ‘paksaan’ tersebut dan Salha memulangkan kepada kita untuk membuat penafsiran. Mungkin kita dapat jangkakan bahawa sememangnya kehidupan tidak sentiasa memberikan kita ketenangan dan kedamaian. Dalam hiruk pikuk kehidupan terbit seribu macam kekusaran manusia, terbit seribu suasana yang mengelisahkan dan terbit seribu macam persoalan yang memulaskan fikiran. Dan dalam kecamukan beginilah, tidak sedikit manusia yang terheret ke dalam lembah kehidupan yang menjejekkan dan memualkan. Mungkin juga keterpaksaan Salha menjadi sedemikian adalah lantaran sistem ekonomi atau sistem sosial yang banyak dibina oleh kuasa-kuasa politik tidak menyebelahi beliau sehingga mendorong beliau menjadi manusia jalang di simpang-simpang lorong. Atau mungkin semangat ketahanan menghadapi percubaan-percubaan dalam kehidupan telah longgar dan menyeret beliau ke dalam suasana ‘keputusasaan’ yang berpanjangan.

Sebenarnya tindak-tanduk dan gerak-geri manusia lebih banyak diarah oleh pemikiran seseorang. Hati adalah penggerak awal yang meminta fikiran menimbangkan baik buruk sesuatu pekerjaan yang bakal dijalankan. Suasana keliling mungkin mempengaruhi tindak-tanduk manusia itu dapat ditangkis bila fikiran kita bertindak mengikut kewajarannya. Dengan demikian tidak timbul rasa keluh-kesah, kecewa, gelisah dan terpaksa menjadi ini atau menjadi itu. Jadi ‘kejalangan’ seseorang itu bukanlah bersebab dari suasana kelilingnya semata-mata, sebenarnya kelonggaran imanlah yang banyak menyerembakkan manusia berbuat demikian.

Dan dari pernyataan saya ini, pengakuan Salha tadi tidak banyak menyakinkan saya.

Sememangnya seseorang penulis itu bebas memilih apa saja persoalan yang mahu diterapkan ke dalam karyanya. Pun manusia penulis bebas memilih bentuk yang bagaimanakah semua suara hatinya disampaikan untuk masyarakat membuat tatapan. Tetapi kebebasannya ini meletakkan penulis harus berhati-hati dan harus lebih selektif; apakah persoalan kehidupan yang ditumpahkan ke dalam bentuk tulisan meyakinkan kita atau sebaliknya? Atau apakah persoalan tersebut istimewa atau tidak? Apatah lagi bila Salha menyatakan begini:

Lantas ke mana harus kupandang  
Alang-alang menyeluk pekasam  
Biar sampai ke pangkal lengan.

Saudara-saudara pendengar:



Walaupun begitu apa yang saya ucapkan tadi bukanlah merupakan inti kepada perbicaraan Salha sebenarnya. Di dalam pernyataan yang tidak menyakinkan itu terselit kritikan Salha terhadap segolongan manusia yang terus memandangi jiji kepada 'manusia-manusia jalang' tanpa menoleh sebab musabab mereka menjadi sedemikian. Di sini seolah-olah Salha ingin menyarankan agar masyarakat tidak harus berpaling muka kepada 'manusia-manusia jalang' ini tetapi turut bertanggungjawab memulihkan penyakit psiko masyarakat ini. Dengarkanlah

Itu manusia-manusia yang imannya tidak goyang  
Menepis salam yang aku huluskan  
Kononnya malu pada teman bersalut debu-debu hitam.

#### SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar:

Melihat kepada pengucapan awal Salha teringat kepada kita kepada pernyataan Khairul Anwar dalam puisinya yang bertajuk AKU: *aku ini binatang jalang / dari kumpulannya terbuang* memangnya begitu mesra di bibir para pencinta puisi di daerah Nusantara ini. Dan pengucapan awal Salha iaitu: *Aku manusia jalang / dari kumpulan-kumpulan jalang jalanan* agak mirip kepada pengucapan Khairul Anwar yang saya sebutkan tadi.

Sebagai seorang penulis yang baru berjinak-jinak dalam arena penulisan puisi, Salha seharusnya dapat membina kekata atau kalimat-kalimatnya sendiri hasil dari suara hatinya dan bisik rasanya melihat kehidupan. Pernyataan-pernyataan yang sudah klise seharusnya ditolak dan cubalah membuat bayangan-bayangan atau memperkuat daya imaginasi kita serta mempertajam daya sensitiviti kita untuk memperoleh pernyataan-pernyataan yang tersendiri, tidak terpengaruh oleh pengucapan-pengucapan penyair yang sudah ternama. Begitu juga dengan peribahasa-peribahasa, seperti dalam puisi Salha, beliau ada menyebut alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.

Sekian. Semoga dengan puisinya yang lain, Salha Samsuddin akan bangkit dengan pernyataan-pernyataannya yang lebih meyakinkan dan tersendiri.

#### ARAHAN:

**PUTARKAN SEBUAH LAGU YANG SENIKATANYA MEMPUYAI UNSUR  
PUISE SEBAGAI SELINGAN DALAM RANCANGAN INI.**

#### JURUHEBAH:



Saudara-saudara pendengar yang budiman.

(eja) I n v e r s i, Ya, saudara-saudara, Inversi, apakah yang dimaksudkan orang dengan inversi itu? Inversi atau pembalikan dalam puisi merupakan satu unsur gaya penyair membalikkan kalimat atau frasa tertentu supaya menjadi baris yang menarik dan dapat pula meninggalkan kesan atau rentak tertentu. Bagi penyair, kalimat atau frasa yang berpandukan dengan aturan tata bahasa atau linguistik merupakan pengucapan biasa yang tidak menarik dan tidak pula menimbulkan rima tertentu. Sekadar contoh puisi Mohamed Latiff Mohamed yang bertajuk Muhammad menerapkan:

**hari ini Muhammad kutakbisa bertemu kaulagi.**

Yang mana jika diucapkan dalam kalimat biasa ialah:

**Hari ini, aku tak bisa bertemu kau lagi, Muhammad.**

Demikianlah saudara-saudara apa yang disebut orang tentang inversi atau pembalikan itu. Pada minggu hadapan akan kami sisipkan lagi istilah puisi yang lain bagi meluaskan persepsi kita tentang puisi dan daerah-daerahnya.

Saudara-saudara pendengar:

Pada minggu lalu kita telah mendengar adanya usaha untuk menyimpangkan pengucapan puisi dari bentuk yang tradisional seperti pantun dan syair di zaman-zaman kemunculan awal puisi moden Melayu. Tetapi melalui karya-karya yang muncul di zaman tiga puluhan itu menampakkan ikatan-ikatan tadi tidak semuanya terlepas dan terburai. Ia masih mengikat walaupun terasa longgar. Untuk mendengar lanjutan mengenai perbincangan tersebut marilah kita mendengar bahagian kedua tulisan saudara Mohamed Naim Daipi yang bertajuk Kita Bergerak Dari Konvensi Yang Ada.

SUDUT:

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati.

Daripada yang saya utarakan pada minggu lalu, jelaslah kepada kita betapa bentuk-bentuk puisi tradisional masih lagi menyerap ke dalam puisi moden atau yang lebih kita kenali sebagai sajak itu. Penyair-penyair tiga puluhan yang banyak berkiblat kepada angkatan Pujangga baru masih lagi menghidu bentuk-bentuk konvensi yang sudah sedia ada iaitu pantun dan syair.

Begitu juga, bila kemunculan ANGKATAN 45 di Indonesia dengan persajakan-persajakan yang bernafas baru yang dipelopori oleh Khairil Anwar maka unsur-unsur tradisional pantun dan syair tidak diterapkan dan terus pupus. Namun demikian,



penolakan-penolakan Khairil Anwar terhadap bentuk, gaya dan inti pengucapan yang berlainan langsung bentuk, gaya dan penyair Pujangga Baru bukan pula bermakna Khairil mencuba untuk sesuatu yang baru dan bersih dari konvensional. Khairil terpengaruh dengan apa yang pernah dijalin oleh penyair-penyair Belanda seperti Marsman dan sebagainya. Sungguhpun demikian Khairil cuba melaksanakan cita-cita artistiknya dengan cara yang amat asing pada masyarakatnya.

Melalui perkembangan yang ter baru di Indonesia terhadap penerimaan bentuk-bentuk baru dalam puisi moden, ia begitu lambat meresap ke dalam puisi-puisi moden tempatan kita pada zaman yang sama. Masih ada lagi pengucapan-pengucapan puitik yang masih terikat dengan bentuk pantun dan syair. Pemakaian empat baris seuntai dengan lenggang-lenggok dan muzik bahasanya yang masih berbau tradisional terus-terus menjelma dan terhidang ke dada masyarakat. Namun begitu pernyataan rasa dan fikirannya sudah jauh menyimpang dari konvensi yang sudah sedia ada. Sekadar contoh dengarilah puisi Masuri S.N yang bertajuk Dugaan Akhir yang saya petik dari antaloginya Awan Putih:

#### ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

Lama nian hatiku diam  
Dibawa arus edaran waktu  
Keliling hidupku serasa kelam  
Tiada nampak bimbingan maju

Dari lapisan kitab hikayat  
Pusaka moyang zaman berzaman  
Kupetik sebaris kata hikmat  
Jadi penyedar jiwa merawan  
Bila di mana mata memandang  
Sunyi bunyi senyap harapan  
Itulah umpama kita berjuang  
Sedang mengadap saat putusan

Jika di saat dugaan akhir  
Menguji tabah hati mencuba  
Kita tahan derita getir  
Pastilah sudah mencapai jaya



## JURUHEBAH:

Demikianlah saudara-saudara pendengar, bahagian kedua pandangan saudara Mohamed Naim Daipi yang bertajuk Kita Bergerak Dari Konvensi Yang Ada. Bagi mendengar lanjutannya, saya mengajak saudara mendengar bahagian ketiganya pada minggu hadapan.

Saudara-saudara pendengar:

Bagi mengakhiri rancangan BICARA PUISI kita minggu ini, terimalah sekuntum puisi kiriman sadari KARTINA KHOO dari TRONOH ROAD yang bertajuk MESTIKAH AKU. Sehingga bertemu pada lain siaran, salam manis dari kami:

## ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

Mestikah aku terus melangkah  
Untuk menggenggam syurga abadi  
Mestikah aku menanti lagi  
Jika hati menerjah begini

Mestikah aku mencari-mencari  
Kerelaan yang terus menyepi  
Mestikah aku mengundur diri  
Demi kasih yang tidak suci  
Ataukah aku.....  
Terus saja lari  
Untuk menyahut seruan hati?

